

# 10 CCTV cegah jenayah

**MDKL pantau 24 jam lokasi 'hot spot'**

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KUALA LANGAT

Dalam usaha mencegah jenayah, Majlis Daerah Kuala Langat memasang 10 kamera liter tertutup (CCTV) di sekitar Kuala Langat.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, pemasangan CCTV itu, melibatkan kos sebanyak RM193 juta melalui peruntukan caj pemajuan di bawah LA 21 dalam mengatasi jenayah melalui pemantauan selama 24 jam sehari di semua lokasi terutama di kawasan 'hot spot'.

Menurutnya, projek pemasangan CCTV di 10 kawa-

san termasuk Bandar Saujana Putra, Bandar Mahkota, Tanjung Sepat dan Banting Baru sejak sebulan lalu, merupakan fasa pertama oleh MDKL dalam usaha mencegah.

"Dengan pemasangan ini, saya ingin meminta semua kawasan ahli majlis yang dilengkapi dengan CCTV supaya terus meningkatkan keselamatan dalam pelbagai aktiviti.

"Buat masa ini, memang terdapat cadangan daripada ahli majlis untuk penambahan CCTV di beberapa kawasan dan akan diambil tindakan," katanya selepas Mesyuarat Penuh MDKL di Bilik Cempaka Kuning, MDKL, semalam.

Mohamad Zain berkata, pihaknya dapat merasakan penggunaan CCTV dapat menampung maklumat awal kejadian jenayah yang berlaku selain dapat melaporkan kepada pihak polis dengan



Mohamad Zain (dua, kiri) sempat melihat bahagian pegawai menyilapkan tugas selepas Mesyuarat Penuh MDKL, semalam.

kadar segera. Katanya lagi, buat masa ini pihaknya hanya memasang kamera sahaja berbanding yang dipasang oleh kerajaan negeri sebelum ini mempunyai pembesar suara.

Sementara itu, Ahli Majlis MDKL, Hairul Nizam Tohar berkata, inisiatif itu membantu pihak polis dalam menurunkan kadar jenayah di kawasan-kawasan 'hot spot' terutama kes melibatkan kecuriaan mo-

tosikal dan ragut. Katanya, beliau berharap semua pihak yang terlibat dalam memantau bilik pusat kawalan terus bekerjasama dalam menangani aktiviti tidak sihat sekiranya berlaku.

**info** FASA PERTAMA CCTV:

- Bandar Saujana Putra
- Bandar Mahkota
- Tanjung Sepat
- Banting Baru

"Dengan pemasangan CCTV itu, kerajaan dapat mengurangkan kadar jenayah sebanyak secara berperingkat," katanya.

Ahli Majlis MDKL, Ang Lee Yong pula berkata, beliau memuji inisiatif MDKL dalam meningkatkan keselamatan di kawasan MDKL.

Katanya, kemudahan itu sebagai cara alternatif selain mengharapkan rondaan daripada pihak polis semata-mata dalam menangani kes jenayah.

## 'Guru jangan terpengaruh fitnah'

KUALA LANGAT - Guru-guru di daerah Kuala Langat diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan fitnah di media sosial sehingga menimbulkan pelbagai andaian tidak tepat.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Tan Sri Noh Omar berkata, guru-guru sebenarnya bijak dalam menerima maklumat jadi sekiranya menerima sebaran fakta yang tidak benar, harap dapat diteliti sebelum disebarluaskan semula.

Menurutnya, kerajaan prihatin dengan tugas guru sehinggalah permohonan sekolah baharu di daerah ini diluluskan dan sedang dalam pembinaan.

"Selain usaha kerajaan BN, ia juga merupakan usaha Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat dalam memberi kemudahan pendidikan terbaik kepada masyarakat."

"Bagi saya kemudahan dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra dan Sekolah Kebangsaan Bandar Saujana Putra itu nanti berjaya menampung jumlah permintaan pelajar yang terpaksa keluar ke sekolah berhampiran," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Guru Peringkat Daerah Kuala Langat di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Jugra.

Noh yang juga Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, beliau mahu penduduk sekitar Bandar Saujana Putra selepas ini memanfaatkan sekolah yang

**Selain usaha kerajaan BN, ia juga merupakan usaha Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat dalam memberi kemudahan pendidikan terbaik kepada masyarakat.** -"Noh diperjuangkan.

Katanya, beberapa susulan perjuangan telah dilakukan termasuk melalui Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Kari yang mahukan impian rakyat di kawasan itu menjadi kenyataan.

Sementara itu, Sulaiman berkata, beberapa wakil penduduk sebelum ini tampil memohon pembinaan sekolah di segerakan apabila terpaksa menghantar anak-anak ke sekolah sekitar Shah Alam dan Puchong.

"Saya sendiri beberapa kali adakan tinjauan ke tapak pembinaan dan melihat status terkini bagi mendapat makluman yang tepat.

"Alhamdulillah, semua berjalan lancar dan bakal siap pada tahun hadapan," katanya.

## Kekalkan pemerintahan BN



Shahrum ketika mengadakan Ziarah Kasih ke sebuah rumah penduduk.

DENGKIL - "Demi Dengkil Kita," itulah ungkapan yang sering ditulis dalam akaun Facebook milik Penyanggandun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif.

Shahrum berkata, tiada saranan lain yang dapat disampaikan kepada penduduk melainkan mengekalkan kerajaan BN memerintah.

"Saya sempat bertemu dengan penduduk sempena Program Ziarah Kasih di Dun Dengkil dalam menyelami hati rakyat dan mendengar permasalahan mereka.

"Sudah tiba masa rakyat membantu kerajaan dalam mengekalkan dan menawan semula kerusi-kerusi pihak pembangkang," katanya.

Menurutnya, melalui program Ziarah Kasih Dun Dengkil juga pihaknya dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Shahrum berkata, beliau sentiasa mendengar permasalahan rakyat dan membawa perkara tersebut kepada pihak atasan supaya dapat diambil tindakan.

Katanya, beberapa ke-

jayaan telah dicapai termasuk pembinaan perumahan untuk bekas pekerja ladang, kemudahan laluan flyover yang bakal dibangunkan di Dun Dengkil dan beberapa kemudahan rakyat yang memberi jaminan ke arah kehidupan lebih baik.

"Saya harap pelbagai aktiviti dapat berjalan lancar dan menarik minat pelbagai golongan untuk mengaktifkan kawasan.

"Paling tidak pun sebagai satu inisiatif kerajaan terus membantu rakyat," katanya.